

**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR**

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 1443H**

**TARIKH: 18 OKTOBER 2021 / ISNIN
bersamaan
12 RABI' AL-AUWAL 1443H**

**MASA: 6.50 PETANG
TEMPAT: MASJID NEGERI, SEREMBAN**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

1. Sesungguhnya segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan yang mentadbir seluruh alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Rasul yang telah menjadi rahmat dan cahaya petunjuk kebenaran bagi kesejahteraan umat sejagat.

2. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya maka Beta dapat berangkat hadir bagi sama-sama menyambut Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tahun 1443 Hijrah pada malam ini.

Iktibar daripada Wabak COVID-19

3. Pada akhir tahun 2019, dunia dikejutkan dengan penemuan virus COVID-19 yang mencetuskan pandemik global. Sehingga **11 Oktober 2021**, kes jangkitan di negara kita mencecah 2.3 juta (2,346,303) dengan lebih 27 ribu kematian, sementara lebih 90 ribu kes kumulatif positif dicatat di Negeri Sembilan dengan **1,207** kematian.

4. Beta amat berharap agar Kerajaan Beta terus memainkan peranan mentadbir dengan baik dan menyejahterakan rakyat di negeri ini dengan inisiatif peduli rakyat tanpa dibatasi sempadan kaum, bangsa, agama atau politik. Kekayaan dan kemakmuran negeri ini haruslah dinikmati oleh sekalian rakyat Beta tanpa ada golongan yang tercicir.

Vaksinasi Jawatankuasa Masjid / Surau Negeri Sembilan

5. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merupakan langkah semasa, yang dilaksanakan secara besar-besaran untuk meningkatkan daya tahan rakyat menghadapi ancaman virus. Sehingga **10 Oktober 2021**, di Negeri Sembilan lebih 900 ribu (920,442) orang telah menerima dos pertama, dan lebih 800 ribu (805,245) telah lengkap menerima dos kedua. Dengan itu **98.6** peratus populasi dewasa di negeri ini telah pun mendapat vaksin lengkap.

6. Di samping itu, data daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bagi pegawai-pegawai masjid dan surau seluruh Negeri Sembilan (meliputi imam, bilal, siak, pembantu wanita dan ahli jawatankuasa) menunjukkan jumlah keseluruhan adalah seramai **5,125 orang**. Daripada jumlah tersebut, hanya 26 orang yang masih belum lengkap divaksin. Namun, untuk meneruskan tanggungjawab di masjid dan surau, mereka hendaklah mengikut nasihat kerajaan agar melengkapkan vaksin dengan segera.

7. Beta berasa sukacita dengan hasil Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang sedang berjalan ketika ini. Usaha sebegini tidak akan terhasil tanpa peranan, komitmen serta dedikasi yang ditunjukkan oleh semua petugas barisan hadapan, serta mereka yang membantu di belakang tabir. Sesungguhnya mereka ini adalah insan istimewa yang terus berkhidmat tanpa mengenal erti letih dan lelah. Oleh itu, sama-samalah kita prihatin dan membantu mengurangkan beban mereka dengan terus mematuhi Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) seperti yang telah ditetapkan dalam usaha memutuskan penularan pandemik COVID-19.

Masjid sebagai Pemangkin Ummah Sejahtera

8. Islam ialah agama yang mendasari segala aspek kehidupan, seiring dalam apa jua perubahan keadaan dan peredaran zaman. Norma baharu kaedah beribadah ketika menghadapi pandemik, merupakan salah satu contoh yang menggambarkan agama Islam amat memahami realiti suasana tanpa menafikan kesempurnaan pelaksanaan ibadah seseorang hamba. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan.”

Penerimaan terhadap perubahan kaedah beribadah ini, dapat dihayati melalui interaksi ilmu, agar wujud kefahaman yang hakiki supaya tidak timbul salah faham mengenai Islam sehingga boleh merosakkan kredibiliti agama.

9. Rekod menunjukkan terdapat **301 masjid, 46 surau diri Jumaat**, dan **974 surau** yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ketika ini. Para pemegang amanah yang diberikan tanggungjawab menguruskan masjid dan surau di Negeri Sembilan, wajib memahami falsafah kewujudan serta peranan utama masjid dan surau, iaitu sebagai institusi menyatupadukan ummah, institusi yang wajib dimuliakan, diimarahkan dan dilindungi daripada sebarang perbuatan dan percakapan yang boleh menodai kesuciannya.

10. Ahli-ahli jawatankuasa hendaklah pada setiap masa, melindungi masjid dan surau daripada dicemari oleh aktiviti yang boleh memecahbelahkan ahli-ahli kariah seperti aktiviti politik dan aktiviti yang bercanggah dengan syarak. Setiap individu yang telah diberikan amanah sebagai jawatankuasa kariah, hendaklah bersifat tegas dan bijaksana, tanpa membenarkan diri dimanipulasi atau diperalatkan oleh mana-mana pihak.

Mengurus Pandemik Tanggungjawab Bersama

11. Membendung pandemik dengan secepat mungkin merupakan agenda paling utama. Namun langkah-langkah mencegah penularan amat perlu diimbangkan supaya tidak mencetuskan darurat ekonomi yang sukar untuk

dipulihkan. Mengaktifkan dan memulihkan aktiviti ekonomi agar kembali rancak seperti sebelum ini, merupakan cabaran yang sangat besar.

12. Memahami masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat pandemik COVID-19, Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat yang berada dalam kesusahan. Alhamdulillah Beta juga menzahirkan rasa syukur kerana atas usaha gigih semua pihak, Negeri Sembilan telah berjaya beralih ke Fasa 4 dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) lebih awal berbanding dengan negeri-negeri lain.

13. Beta menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menangani wabak COVID-19, terutama kepada semua petugas barisan hadapan kesihatan, anggota-anggota polis dan tentera, para pemimpin dan sukarelawan peringkat akar umbi di daerah, bandar dan mukim, serta para sukarelawan agensi swasta dan NGO, yang telah memberi bantuan dengan pelbagai cara. Sumbangan mereka telah membuktikan semangat patriotisme yang amat tinggi dalam membantu usaha kerajaan melindungi keselamatan kesihatan setiap rakyat Beta di negeri ini. Beta juga menzahirkan penghargaan kepada Menteri Besar, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para penjawat awam dan syarikat-syarikat swasta yang berganding bahu, bekerjasama serta berusaha untuk memulihkan dan membangunkan semula Negeri Sembilan. Semoga Allah SWT menganugerahkan ganjaran atas sumbangan dan pengorbanan semua.

Penutup

14. Seperti yang kita semua sedia maklum, berdasarkan keputusan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, operasi institusi pendidikan di Negeri Sembilan telah bermula pada 4 Oktober 2021 mengikut ketetapan Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara. Manakala bermula hari ini 18 Oktober, operasi institusi pendidikan adalah mengikut ketetapan Fasa 4 PPN.

15. Pelajar-pelajar telah mula menghadiri kelas secara bersemuka. Semua pelan persediaan pelaksanaan operasi institusi pendidikan perlulah dipatuhi dengan baik. Semua pihak yang terlibat hendaklah juga memainkan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan pendidikan formal dan tidak formal anak-anak di Negeri Sembilan, khususnya dalam membentuk akhlak serta jati diri yang luhur, sentiasa diutamakan.

16. Dalam pada itu, menyedari hakikat bahawa ramai umat Islam tidak mempelajari Bahasa Arab, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menerbitkan sebuah risalah ringkas yang menterjemah setiap bacaan dalam solat kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Risalah ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman maksud bacaan dalam solat, sekaligus membantu umat Islam menghayati ibadat solat. Langkah menerbitkan risalah ini adalah

satu usaha yang amat sesuai. Beta berharap risalah ini akan dijadikan rujukan oleh mereka yang tidak memahami Bahasa Arab.

17. Mengakhiri titah, Beta berdoa semoga Allah SWT melimpahi keamanan dan kemakmuran kepada Negeri Sembilan, serta rakyatnya terus diberkati dan dianugerahkan dengan taufik dan hidayah.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh